

Tun M berucap pada perhimpunan Kesatuan Oxford

BH - 17/11/2019 m/s: 4

Kuala Lumpur: Malaysia dan Asia Tenggara bakal mencatat sejarah baharu apabila Tun Dr Mahathir Mohamad dijemput serta diberi penghormatan untuk berucap pada majlis perhimpunan Kesatuan Oxford yang berprestij, di Universiti Oxford, England, esok.

Perdana Menteri berusia 94 tahun, yang dijadual menyampaikan ucapan pada jam 4 petang waktu tempatan, bakal menjadi pemimpin Asia Tenggara pertama yang ter-

senarai bersama pemimpin utama dunia yang pernah diberi penghormatan berucap dalam majlis itu.

Berkongsi maklumat itu di dalam akaun Twitternya semalam, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Abdul Rahman berkata, beliau mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir dan Malaysia di atas jemputan itu.

“Buat pertama kali dalam sejarah Malaysia, seorang pemimpin diberikan jemputan khas oleh Oxford

Union untuk berucap di ‘union’ yang penuh dengan sejarah.

Bakal gegarkan dunia

“Tun M juga menjadi pemimpin Asia Tenggara pertama yang dipilih secara demokratik dijemput berucap pada perhimpunan Kesatuan Oxford yang sangat dihormati.

“Saya nanti-nantikan masa ini kerana yakin Tun M akan membuktikan Malaysia bakal mengge-

garkan dunia lagi sekali sebagai Harimau Asia. Tahniah Tun M dan tahniah Malaysia!” katanya.

Kesatuan Oxford adalah pertumbuhan debat yang ditubuhkan pada 1823 dan dianggotai penuntut Universiti Oxford.

Kesatuan ini mempunyai tradisi menjemput tokoh terkenal di dunia dalam politik, akademik dan budaya, antaranya bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), Ronald Reagan, Jimmy Carter, Richard Nixon

dan Bill Clinton.

Termasuk dalam senarai itu ialah Perdana Menteri Britain, Theresa May dan bekas Perdana Menteri, Winston Churchill, Margaret Thatcher dan David Cameron.

Individu lain yang pernah dijemput ialah Dalai Lama, Malcolm X, pelakon filem AS, Morgan Freeman; pemuzik, Elton John dan Michael Jackson; bintang bola sepak, Diego Maradona serta peninju, Manny Pacquiao.